



PAKAIAN TRADISIONAL RAKYAT MALAYSIA

PAKAIAN TRADISIONAL RAKYAT MALAYSIA

MALAYSIA MEMPUNYAI PELBAGAI JENIS KAIN DAN PAKAIAN TRADISIONAL YANG BERBAGAI BENTUK DAN WARNA. DARI TENGGOKOL BULU BURUNG DAN BAJU KULIT KAYU HINGGALAH KAIN SONGKET DI RAJA YANG ANTIK.PADA ZAMAN DAHULU PENDUDUK PRIBUMI MEMAKAI PAKAIAN YANG DIPERBUAT DARIPADA KULIT KAYU DAN HIASAN MANIK. DENGAN KETIBAAN TAMADUN LAMA KAIN TENUNAN DAN BATIK MELAYU OLEH ORANG KENAMAAN DAN KERABAT DI RAJA.DENGAN KETIBAAN PEDAGANG ASING PAKAIAN SERTA KAIN SEPERTI SUTERA CINA,PELIKAT DAN JUBAH ARAB DIPERKENALKAN DI NEGARA INI.KINI PAKAIAN TRADISIONAL SEPERTI KEBAYA MELAYU,SARI INDIA DAN CHEONGSAM CINA MASIH DIGUNAKAN DENGAN MELUAS DI MALAYSIA.BUDAYA PEMAKAIAN TRADISIONAL SEMAKIN DILUPAKAN.

OLEH ITU,BUDAYA MEMAKAI PAKAIAN TRADISIONAL SEHARUSNYA DIKEKALKAN SUPAYA TAK LAPUK DEK HUJAN TAK LEKANG DEK PANAS.JIKA DILIHAT,KEBANYAKKAN REMAJA MELAYU DI ZAMAN ERA GLOBALISASI INI LEBIH MENYUKAI PAKAIAN ALA-ALA BARAT.MEREKA TIDAK SEDAR DENGAN PERBUATAN YANG SEBEGITU SEBENARNYA SEDIKIT SEBANYAK MENGHAKIS BUDAYA PEMAKAIAN PAKAIAN TRADISIONAL SESEBUAH KAUM ITU SENDIRI.DALAM ERTI KATA LAIN,BERBANGGALAH DENGAN PAKAIAN TRADISIONAL KITA SENDIRI KERANA ITU DAPAT MELAMBANGKAN IDENTITI SESEBUAH MASYARAKAT ITU SENDIRI.

PAKAIAN TRADISIONAL MELAYU



Orang Melayu terdapat di setiap negeri memaparkan pakaian tradisi yang berbeza. Namun secara amnya seluruh orang Melayu memakai baju kurung sebagai pakaian tradisi. Cuma reka bentuk atau potongan baju kurung agak berbeza-beza mengikut negeri. Selain itu baju kebaya dan kebarung (gabungan baju kurung dan kebaya) juga menjadi pilihan masyarakat Melayu Malaysia.

PAKAIAN TRADISIONAL CINA



- ▶ Wanita berketurunan Cina akan memakai cheong sam. Ia biasanya dipakai pada upacara-upacara tertentu seperti majlis perkahwinan dan semasa Tahun Baru Cina. Tetapi kini, pakaian ini jarang dipakai oleh wanita Cina di Malaysia kerana mereka lebih gemar memakai pakaian fesyen moden ala Barat. Perkataan 'cheong sam' dalam dialek kantonis bermaksud 'baju labuh'. Cheong sam dipercayai mula diperkenalkan semenjak revolusi di Negara China pada tahun 1911. Baju ini asalnya labuh tetapi lama-kelamaan disingkatkan hingga ke paras lutut. Pada mulanya, kolar baju antara 3 hingga 4 cm sahaja tetapi kemudiannya ditinggikan sehingga menjadi 7 cm. Cheong sam dipakai ketat dan berbelah di kiri dan kanannya.
- ▶ Samfu membawa maksud 'baju dan seluar' dalam dialek Kantonis. Samfu merupakan pakaian kaum Cina. Samfu diperbuat daripada kain nipis yang tidak bercorak atau berbunga halus. Samfu dipakai oleh lelaki berketurunan Cina tetapi mempunyai sedikit perbezaan dengan samfu yang dipakai oleh wanita Cina

PAKAIAN TRADISIONAL INDIA



Pakaian kaum India lebih dikenali dengan warna terang dan kaya dengan tenunan dan sulaman benang emas, perak, labuci juga batu-batu permata. Pada hari perkahwinan lelaki India memakai dhoti dilengkapi dengan turban manakala wanitanya memakai sari yang digandingkan dengan baju pendek ketat. Wanita remaja mengenakan skirt labuh 'Ihenga' juga dipadankan dengan baju pendek. Lelaki Punjabi menggayakan dhoti atau kurta dan wanitanya mengenakan salwar-khameez-dupatta iaitu seluar dengan baju labuh yang diperindah dengan sulaman benang emas dan labuci.

PAKAIAN ETNIK MASYARAKAT SABAH

1. Pakaian Etnik Kadazan



Pakaian istiadat masyarakat Kadazan dari Penampang. Lelakinya memakai baju gaung, seluar souva, bengkung toogot dan pakain kepala yang disebut siga. Wanita memakai baju pendek sinuanga, kain labuh tapi dan selendang batik dilengkapi tali pinggang himpogot.


2. Pakaian Suku Kaum Bajau

Wanita Bajau menggayakan blaus badu sampit dan kain sarung olos berangkit, perhiasan leher mandapun dan perhiasan kepala sarempak. Lelaki Bajau menggayakan baju potongan Cekak Musang, seluar, samping dan destar.



PAKAIAN ETNIK MASYARAKAT SABAH


3. Pakaian Suku Kaum Rungus



Lelaki: jaket barbaru dan cawat dari kulit kayu puputul yang dilukis dengan motif dari manik atau warna. Perhiasan kepalanya tupi sinulatan juga dari kulit kayu. Wanita: menggayakan pakaian pinongkolo dari kain kapas berhiaskan motif sarat dari manik-manik berwarna-warni. Perhiasan diri juga dari manik seperti rantai rarangkol dan hiasan kepala salupai.

Lelaki: baju badu, seluar soval, bengkung hokos dan pakaian kepala sigal dari kain pis. Wanita: memakai baju sempit banat dan kain paras lulut serta hiasan kepala disebut sisingal dan rampai. Perhiasan diri dari jalinan manik-manik berwarna-warni disebut pinakol dan togkol

4. Pakaian Suku Kaum Murut



PAKAIAN ETNIK MASYARAKAT SARAWAK

1. Pakaian Etnik Kaum Iban



Pakaian tradisional lelaki Iban terbahagi kepada dua iaitu Kain Sirat dan Dandong. Kain Sirat dikenali juga sebagai kain cawat merupakan pakaian asas kaum Iban. Dandong pula merupakan kain selendang yang dipakai oleh lelaki Iban. Dandong lebih lebar daripada bedong.

Pakaian tradisional wanita Iban pula, terbahagi kepada tiga jenis iaitu Bidang, Kalambi dan Bedong. Bidang merupakan sejenis kain sarung yang sempit dan panjangnya cuma separas lutut. Baju Kaum Iban yang dipanggil kalambi pula ada dua jenis iaitu kalambi berlengan dan kalambi tanpa lengan.

PAKAIAN ETNIK MASYARAKAT SARAWAK

2. Pakaian Suku Kaum Bidayuh



Baju dan seluar lelaki Bidayuh dari satin dihiasi pita merah dan putih. Bahagian luar memakai jipo Boyuh dari kulit kayu dan kalung gigi beruang.

Wanita Bidayuh menggayakan baju jipo pendek dan skirt bidang fabrik satin rona hitam berhias selempang merah perhiasan pinggang daripada syiling perak. Perhiasan kepalanya ialah sipiah dari tiga warna hitam, merah dan putih berhias manik, labuci dan syiling perak.

3. Pakaian Suku Kaum Melanau

Lelaki Melanau menggayakan baju potongan moden bersamping broked oren keemasan, pinggang berikat selendang sifon berkopiah Jawa.

Wanita Melanau menggayakan Baju Baban asal pakaian pengantin Melanau. Baju kurung pendek warna hitam dipadankan dengan kain songket. Di dada memakai 2 helai selendang merah dan perhiasan diri kepih dada dan kepih sanggul.



SUMBER

- ▶ <https://www.google.com/search?q=PAKAIAN+TRADISIONAL+MALAYSIA>
- ▶ https://ms.wikipedia.org/wiki/Baju_tradisional_Melayu
- ▶ <https://pkpgbk6.weebly.com/kaum-cina.html>
- ▶ <https://pkpgbk6.weebly.com/kaum-india.html>
- ▶ <https://blog.my-baju.net/archives/1173/baju-traditional-kaum-iban/>
- ▶ http://nicolechoiyin.blogspot.com/2013/09/pakaian-tradisional_8402.html
- ▶ <https://yuva4ptpjkhmu.weebly.com/pakaian-tradisional.html>
- ▶ <https://pakaiantradisionaldimalaysia.weebly.com/sarawak.html>
- ▶ <https://wanitasalwarkameezmalaysia.wordpress.com/category/punjabi-suit/>
- ▶ <https://sites.google.com/site/mmu1161100922/traditional-costume>
- ▶ <http://upimbtppnsarawak.blogspot.com/2010/02/pakaian-tradisional-etnik-di-sarawak.html>